




BSN

BULETIN BSJ

EDISI 03 / 22



1300-88-1900

www.bsn.com.my



BSNMalaysia



Aktiviti Bulan Oktober 2022 – November 2022

Jelajah Celik Kewangan BSN 2022

Oktober – November 2022 | 44 buah sekolah yang terpilih

Tahniah kepada semua sekolah yang terpilih dalam menyertai Jelajah Celik Kewangan anjuran Bank Simpanan Nasional (BSN). Program ini adalah bersempena dengan Bulan Celik Kewangan yang diadakan pada bulan Oktober setiap tahun. BSN tidak ketinggalan menyerikan bulan tersebut dengan menjelajahi 44 buah sekolah di seluruh Malaysia dan mendapat sambutan penyertaan hampir 10,000 jumlah murid.

Program ini juga telah mendapat kelulusan dan pengiktirafan pemarkahan 'Khidmat Sumbang' (Peringkat Sekolah) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekaligus telah melayakkan murid-murid yang terlibat mendapat markah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, & Kokurikulum (PAJSK). Terima kasih KPM! Markah ini hanya layak dituntut oleh murid daripada sekolah yang menyertai program ini sahaja.

Antara aktiviti-aktiviti yang termasuk:

1. Celik Kewangan berdasarkan garis panduan daripada BNM
2. Kuiz Celik Kewangan
3. Pembukaan kaunter promosi

Menerusi Jelajah Celik Kewangan, BSN telah mendidik murid-murid yang terlibat tentang kepentingan pengurusan kewangan dari usia muda. Selain itu, taklimat yang diberikan juga telah sedikit sebanyak memberi panduan kepada mereka agar lebih berdisiplin dan bijak dalam membuat keputusan yang melibatkan pengurusan kewangan seharian mereka.




Petrosains RBTX Challenge 2022

27 November 2022 | Dewan Sri Putra, Bukit Jalil

BSN telah bekerjasama sebagai rakan strategik Petrosains dalam menjayakan Petrosains RBTX Challenge 2022. BSN juga yang diwakili oleh Ketua Pegawai Perniagaan, En Mujiburrahman Abdul Rashid telah menerima cenderahati penghargaan pada majlis akhir program tersebut.

Pihak Petrosains juga akan menganjurkan program BSJ *at School* di 16 buah sekolah BSN *Ambassador* seluruh Malaysia dan juga program bengkel Sains, Teknologi, Matematik & *Engineering* (STEM) secara dalam talian untuk kategori murid sekolah rendah, sekolah menengah dan kategori keluarga.

Besarliah harapan BSN sekiranya semua ibu bapa, guru-guru dan murid-murid dapat bekerjasama menyertai dan menjayakan program ini. Nantikan kemunculan kami pada tahun 2023 dengan pelbagai aktiviti menarik!



Berita baik untuk warga KPM di Malaysia! BSN SSP akan memperkenalkan cabutan baharu

Cabutan Guru dan Cabutan Jutawan (Guru) akan diadakan setiap bulan, khas buat guru-guru yang menyimpan dengan BSN SSP. Pelbagai hadiah menarik menanti pemenang. Untuk maklumat lanjut sila imbas kod di bawah :



Penghargaan



Terima kasih kerana telah menyertai program yang telah dianjurkan oleh BSN.

Pihak BSN mengucapkan ribuan terima kasih kepada sekolah, guru-guru dan murid-murid yang telah menyertai program yang dianjurkan oleh BSN sepanjang tahun 2022.

Berikut merupakan *#throwback* program sepanjang tahun yang telah diadakan oleh BSN:

Aktiviti	Bulan
BSN Social Media Challenge	Januari 2022 – April 2022
Sambutan Hari Guru 2022	Mei 2022
Peringkat Kebangsaan	
Majlis Anugerah BSN SGSP 2021	Jun 2022
BSN Online Chess Festival	Jun 2022
Cabaran E-Sukan	Julai 2022 – September 2022
Program Insentif BSJ	
Jelajah Celik Kewangan BSN 2022	Oktober 2022

Aktiviti Menarik Menanti anda !

Nantikan pelbagai aktiviti Program Insentif BSJ! Jangan lepaskan peluang mendaftar sebagai BSN *Ambassador* dan berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik.



Bagi sekolah-sekolah yang berminat untuk menjadi BSN *Ambassador*, sila hubungi kami di alamat emel celikkewangan@bsn.com.my. Jangan lupa untuk follow, like dan share akaun media sosial di :



BSNMalaysia



Peringatan

Murid-murid yang berminat untuk menyertai **Program Insentif BSJ**, anda dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat peribadi seperti nama dan kod sekolah di Cawangan BSN yang berhampiran anda.



Sila imbas kod di bawah bagi lokasi BSN seluruh Malaysia :



INFO SCAM ALERT

Kenali jenayah siber, Jangan jadi mangsa! Jadi pengguna bijak.

Apakah contoh-contoh Jenayah Siber?



BIJAK adalah cara yang perlu diikuti oleh semua lapisan masyarakat ketika menggunakan internet.

- B**erfikir sebelum berkongsi maklumat di Internet.
- I**dentiti anda merupakan tanggungjawab anda.
- J**aga keselamatan diri ketika melayari internet.
- A**ktifkan fungsi privasi bagi mengawal kandungan yang ingin dikongsi.
- K**emaskini kata laluan sekerap mungkin.



Tambahan:

BSN amat mengalu-alukan sebarang maklumbalas dan cadangan bagi menambah baik program yang dianjurkan.

Hubungi kami di celikkewangan@bsn.com.my

UCAPAN KHAS TAHUN BAHARU DARI PADA KETUA EKSEKUTIF BSN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru dan murid-murid yang sentiasa memberikan kerjasama menjayakan aktiviti bersama BSN sepanjang tahun 2022.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru-guru dan murid-murid. Semoga tahun 2023 akan memberikan kesejahteraan, dan kecemerlangan kepada semua.

‘Sudah tiba masa untuk kita mencipta kejayaan. Kita buka lembaran baharu dengan semangat dan keceriaan’

Selamat Tahun Baharu 2023!

Jay Khairil